



## IKLAN JAWATAN KOSONG UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

Universiti Sultan Zainal Abidin merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan dibawah Akta Universiti dan Kolej 1971, dengan ini mempelawa seluruh warganegara Malaysia yang berkelayakan memohon untuk mengisi kekosongan jawatan sepertimana berikut:

1. **Jawatan** : Ketua Pustakawan
2. **Gred** : S54
3. **Jadual Gaji** : RM6,070.00 – RM13,138.00  
(Minimum – Maksimum)
4. **Taraf Lantikan** : Tetap/ Kontrak/ Peminjaman
5. **Tempoh Lantikan** : Satu (1) hingga tiga (3) tahun perkhidmatan bagi setiap lantikan tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah Universiti.
6. **Kelayakan Akademik** :
  - 6.1 Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Sains Pengajian Maklumat (Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat atau Pengurusan Pusat Sumber Maklumat) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
  - 6.2 Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Perpustakaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
  - 6.3 Ijazah Sarjana Sains Perpustakaan dan Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **dan**

- 6.4** Lulus SPM dengan kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) Bahasa Melayu (termasuk ujian lisan) atau kelayakan yang diiktiraf setarafnya dengannya oleh Kerajaan.

**7. Kriteria Pemilihan : 7.1 Pengalaman**

Pernah mengetuai Jabatan/ Bahagian penting di mana-mana Universiti serta berpengalaman luas dalam bidang pengurusan dan pentadbiran perpustakaan.

**: 7.2 Kebolehan Memimpin & Mengurus**

Mempunyai "*people skill*" yang boleh menerajui transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi selaras "*core business*" Universiti serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kerja cemerlang.

**: 7.3 Reputasi**

Menjadi "*role model*" kepada semua peringkat staf, selain mempunyai pengalaman dan "*proven track record*" serta disanjung baik dan dihormati masyarakat dalam dan luar kampus.

**: 7.4 Kemahiran Komunikasi dan Interpersonal Yang Mantap**

Mempunyai kemahiran komunikasi dan "*interpersonal*" yang mantap.

**: 7.5 Personaliti**

Seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, "*team player*", berpandangan jauh, proaktif, dinamik, bertanggungjawab, beretika, berintegriti, patriotik dan bermotivasi tinggi.

: **7.6 Pengurusan Perubahan & Risiko**

Berusaha menguruskan perubahan dalam organisasi secara berkesan dengan menggunakan segala sumber dan keupayaan sedia ada. Berusaha mengurangkan risiko dalam setiap hasil kerja yang dilaksanakan melalui aktiviti pengurusan risiko.

- 8. Cara Memohon** : Calon boleh mengemukakan permohonan dengan menyertakan maklumat seperti berikut:
- a) *Curriculum vitae* (CV) yang lengkap dan terkini berserta gambar ukuran passport, salinan sijil akademik, lain –lain dokumen sokongan; dan
  - b) Ringkasan perancangan sekiranya dilantik sebagai Ketua Pustakawan.
- 9.** Calon hendaklah disahkan sihat oleh Pengamal Perubatan Berdaftar.
- 10.** Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
- 11.** Permohonan yang lengkap beserta dengan salinan-salinan sijil akademik dan lain-lain dokumen sokongan hendaklah dihantar kepada:

**Pendaftar**  
**Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)**  
**Kampus Gong Badak**  
**21300 Kuala Nerus**  
**Terengganu Darul Iman**  
E-mel: [pendaftar@unisza.edu.my](mailto:pendaftar@unisza.edu.my)  
Telefon: 09-668 8360

**Pegawai untuk dihubungi:**

- i) Puan Majedah binti Mokhtar (09-668 8369)  
[majedah@unisza.edu.my](mailto:majedah@unisza.edu.my)
  - ii) Puan Wan Mazrina binti Wan Mansor (09-668 8398)  
[mazrinamansor@unisza.edu.my](mailto:mazrinamansor@unisza.edu.my)
- 12.** Tarikh tutup permohonan adalah pada **11 Oktober 2021 (Jam 12.00 Tengahari).**

- 13.** Proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka di mana pihak Universiti boleh mencalonkan mana-mana calon yang dirasakan sesuai untuk pertimbangan Jawatankuasa Pilih.

Fail : UniSZA.P/2/PP/331-2  
Bertarikh : 21 September 2021